

Adat Kahwin Berbilang-bilang Suami

Rupanya di permukaan bumi yang sedang kita diami ini, ada terdapat beberapa tempat yang mempunyai peraturan perkahwinan yang agak ganjil. Ganjil kita katakan kerana amat menyalahi adat kebiasaan yang lazim dipakai di zaman yang bertamadun ini, tetapi telah menjadi suatu kebiasaan pula bagi sekumpulan manusia lain yang menjadi amalan yang sehati dan mungkin pula telah menjadi tabiat mereka yang semula jadi.

Peraturan tersebut membenarkan seseorang perempuan berkahwin dengan beberapa orang suami dalam satu ketika atau yang dikatakan “adat berbilang-bilang suami”. Cara hidup yang begini banyak berlaku dan harus tiada dapat dijalankan lagi di permukaan bumi yang telah mencapai banyak kemajuan ini, kecuali oleh suatu suku dan puak yang dikatakan masih terdapat di salah satu bahagian benua-benua Afrika, Selatan Asia, Siberia dan di kalangan puak-puak Eskimo di tanah Alaska.

Sejarah Perkahwinan.

Sejarah perkahwinan bangsa manusia itu memang telah lama sudah berlaku, bolehlah dikira dari sejak zaman Nabī Adam *‘alayhi al-salām*, sedang perkahwinan itu pula adalah merupakan peraturan hidup manusia, malahan boleh pula dikatakan peraturan hidup manusia itu pada mulanya diatur menerusi perkahwinan, untuk meneruskan keturunan bangsa manusia sehingga menjadi kembang dan biak, meramaikan penghuni dunia.

Pada dasarnya manusia itu sememangnya mempunyai tugas yang sama – seperti halnya lain-lain makhluk yang bernyawa – iaitu memperkembang dan memperbanyakkan keturunannya. Hanya dasar itu kemudiannya telah sama-sama disepakati untuk diberi peraturan yang kemudiannya baharu dianggap sah sesudah diadakan suatu upacara yang dinamakan “perkahwinan”. Sekalipun ada kemungkinan pada mulanya berlaku perkahwinan antara adik-beradik, bapa dengan anak perempuannya, ataupun anak dengan ibunya sendiri.

Tetapi apa yang telah disyariatkan oleh Tuhan, peraturan perkahwinan itu telah berubah-ubah dari satu masa ke satu masa dan dari satu keadaan ke satu keadaan, akhirnya telah menjadi ketetapan yang tidak boleh berubah-ubah lagi.

Misalnya di zaman Nabī Adam *‘alayhi al-salām* bapa anak Adam itu telah mengkahwinkan anak lelakinya dengan anak perempuannya sendiri – bererti dibenarkan perkahwinan antara adik-beradik.

Di zaman Nabī Mūsā *‘alayhi al-salām* seorang lelaki dibenarkan mengkahwini seberapa banyak orang perempuan – dengan tidak terbatas – disebabkan orang-orang lelaki banyak yang mati dibunuh oleh Raja Firaun.

Di zaman Nabī ‘Īsā *‘alayhi al-salām* pula perkahwinan lelaki hanya terbatas boleh mengkahwini seorang perempuan sahaja dan tak boleh lebih dari satu isteri, kerana menghormati Sīī Maryam ibu Nabī ‘Īsā yang telah melahirkan anaknya dengan tidak berperantaraannya suami.

Maka di zaman semenjak Nabī Muḥammad (S.A.W) syariat yang dibawanya melalui jalan tengah antara syariat Nabī Mūsā dengan syariat Nabī ‘Īsā, bererti tidak terlalu berleluasa dan tidak pula terlalu terikat syariat yang dibawanya membenarkan seorang lelaki mempunyai berbilang-bilang istri¹ yang tidak lebih dari empat orang, dan tidak pula terikat dengan peraturan seorang suami yang hanya bolehlah memiliki seorang isteri.

Maka apa yang menjadi kesimpulan di sini bahawa perkahwinan itu telah mencapai tamadun yang merupakan

¹ Perkataan sebenar ialah isteri.

pertama poligami (berbilang isteri) dan kedua monogami (meninggalkan isteri). Tetapi menurut berita yang diketahui setakat ini, masih ada kumpulan-kumpulan manusia yang mengamalkan perkahwinan berbilang-bilang suami.

Kaum Lelaki Berlebih-lebihan.

Peraturan perkahwinan “berbilang-bilang suami” ini makanya timbul, adalah kerana adanya gejala-gejala yang mendesak kehidupan mereka misalnya; bilangan kaum lelaki berlebih-lebihan berbanding dengan bilangan kaum perempuan. Ini, disebabkan oleh banyaknya kematian jenis kanak-kanak perempuan pada waktu kecilnya, atau disebabkan pertahanan tubuh badan kaum perempuan mereka kurang kuat menghadapi serangan sesuatu penyakit yang berbahaya, atau oleh adanya adat kejam yang masih lagi mereka warisi iaitu menanam kanak-kanak perempuan hidup-hidup – seperti yang terdapat di India.

Maka semua itulah yang menyebabkan bilangan perempuan berkurangan dan sedikit.

Adat berbilang-bilang suami itu pun ada bermacam-macam dan telah berlaku pula di pelbagai kawasan di dunia ini. Ada masanya dibolehkan isteri memilih beberapa orang lelaki untuk menjadi suaminya dari keluarga yang berlain-lainan; adakalanya suami yang pertamalah yang menentukan calon-calon yang bakal menjadi suami kepada isterinya.

Tetapi yang paling banyak adat itu terpakai ialah di kalangan satu keluarga sahaja, iaitu seorang isteri biasanya bersuamikan beberapa orang lelaki adik-beradik yang terdiri dari satu keluarga. Seperti yang terdapat di kawasan pergunungan Himalaya di daerah Tibet, di mana udara dan iklim kawasan tersebut dapat memenuhi tuntutan corak hidup dan cara perkahwinan yang tersebut.

Di sana orang lelaki melebihi banyaknya dari bilangan orang perempuan, dan tanah untuk pertanian sangat terbatas. Maka penghasilan yang sedikit perlu diperbanyak dengan cara membanyakkan penternakan binatang, dan ini memerlukan

menternakkannya sampai ke daerah gunung-gunung dan padang-padang rumput yang jauh-jauh, sedang masanya pula hanyalah pada ketika datangnya musim panas. Atau dengan cara memburu binatang di kawasan yang jauh-jauh. Ini semua tidak dapat dilakukan melainkan dengan mengadakan pelayaran yang memakan masa berbulan-bulan, dan meninggalkan anak isteri sentiasa tinggal berjauhan-jauhan dari rumah tempat kediaman mereka.

Jadi suami yang berbilang-bilang itu dapat dibagi tenaganya kerana ada yang berpergian dan ada pula yang masih tinggal di rumah. Juga terkadang-kadang tanah pertaniannya yang sedikit itu tak akan memadai hasilnya untuk menyaraikan dan menanggung bilangan keluarga yang banyak. Kerana menghadapi gejala-gejala yang demikian inilah maka satu keluarga yang terdiri dari beberapa orang adik-beradik telah sepakat untuk memilih hanya seorang isteri sahaja untuk dipakai bersama-sama dengan bergilir-gilir. Di samping itu mereka tak usah kluatir tentang harta warisan mereka tidak akan terpecah, malahan terkumpul dan tidak akan pergi kepada sesiapa.

Disebabkan kurangnya bilangan perempuan di samping datangnya pinangan orang yang bertalu-talu, maka dengan sendirinya kaum perempuan di sana mempunyai kebebasan yang seluas-luasnya di dalam memilih suami, dan berhak pula untuk menolak atau menceraikan sebarang suami yang dianggapnya tidak sesuai untuk dirinya – walaupun dia saudara dari suaminya sendiri.

Pembahagian Tanggungjawab

Tiap-tiap satu keluarga dari golongan mereka semuanya tinggal dalam sebuah rumah yang didiami oleh mereka bersama-sama. Dan tanggungjawab terhadap keluarga dibahagi sama antara para suami dengan perasaan saling kasih-mengasihi. Misalnya suami pertama bertanggungjawab dalam lapangan pertanian, suami kedua mengendalikan pelayaran yang jauh-jauh dan suami yang ketiga pula membawa ternakan ke padang-padang rumput dan daerah-daerah pergunungan, dan begitulah seterusnya suami-suami lain masing-masing ada tanggungjawabnya. Hasil dari perolehan mereka semua tidak dibahagi-bahagi malahan dimiliki oleh mereka bersama.

Dengan hal yang demikian, maka seseorang isteri yang mempunyai berbilang-bilang suami itu akan mendapat faedah yang besar dari adanya peraturan “kahwin berbilang-bilang suami” ini. Kerana nasibnya tetap terjamin dengan adanya beberapa orang yang menanggung sara hidupnya dan sara hidup anak-anak mereka. Selain itu dia mendapat secukup-cukup pembelaan dan beruntung pula mendapat suara yang sama dengan bilangan suara tiap-tiap seorang keluarga pada ketika memutuskan sesuatu perkara dalam urusan keluarga.

Masalah Yang Perlu Mendapat Jawapan

Semua yang disebutkan di atas hanyalah mengenai perkara yang dapat kita tinjau sepintas lalu sahaja. Yang tinggal sekarang untuk kita tinjau pula tentang bagaimana gerangan perasaan dan isi hati tiap-tiap seorang suami terhadap isteri yang mereka miliki bersama-sama itu.

Tidakkah mereka mempunyai perasaan cemburu? Bagaimanakah mereka membahagi tanggungjawab mengenai hubungan bersuami isteri antara suami sesama suami terhadap seorang isteri yang mereka perkongsikan itu? Kemudian apa pula perasaan yang dirasakan oleh sang isteri, adakah dia merasa martabatnya menjadi tinggi ke peringkat martabat keibuan yang penuh berkuasa terhadap keluarga? Atau merasa martabatnya menjadi rendah kerana dianggap sebagai perempuan jalang yang dijadikan *ransom* mengikut hukum adat dan undang-undang?

Jawapan di atas diberikan oleh salah seorang ahli penyelidik yang khusus dalam soal ini yang menyatakan;


Bahawa dia tak pernah menemui apa-apa bukti di kalangan keluarga yang pernah dilawatinya dan telah terjalin tali persahabatannya dengan mereka – di negeri Tibet – iaitu tidak ada menunjukkan tanda-tanda sifat cemburu di kalangan mereka.



Mufti Turkistan

Perhubungan bersuami isteri di kalangan mereka, tidak terdapat langsung perasaan persaingan, malahan yang ada ialah perasaan bertolong-tolongan. Sikap seorang perempuan – di sana lebih banyak merupakan sikap seorang ibu yang mempunyai dasar berkecuali, semata-mata tugasnya memelihara ketenteraman dan keselamatan keluarga, jauh sekali bersikap sebagai seorang perempuan jalang yang akan memberikan kepuasan nafsu syahwatnya kepada setiap orang yang menjadi pemujanya.

Ahli penyelidik tersebut menambah kata; bahawa peraturan bersuami isteri di kalangan mereka itu adalah dibina atas dasar saling mengerti di antara adik-beradik atau juga para suami. Namun demikian perasaan mengutamakan seseorang suami dari yang lain itu tidak syak



*Universiti Islam Rahshabahi² di Pakistan
iaitu salah sebuah dari tiga universiti
yang terbesar di Pakistan.*

lagi tentulah akan timbul juga dari sisi seorang isteri – tetapi yang demikian itu jarang benar berlaku.

Kalaulah misalnya para suami itu terdiri dari kalangan adik-beradik, tentulah dengan adanya perasaan persaudaraan mereka dapat menguatkan lagi hubungan mereka. Sedang para suami yang berlain-lain keluarga, sudah tentu mereka mesti menyusun suatu rancangan yang seakan bercorak rasmi untuk mengatur semua hubungan antara mereka.

Soal menjadi bapa kepada keturunan yang dilahirkan, adalah menjadi cara yang teradat – pada setengah-setengah tempat – iaitu siapa yang menjadi suami pertama kepada perempuan itu atau siapa yang lebih tua di kalangan para suami, maka dialah yang dianggap sebagai bapa kepada semua keturunan atau anaknya.

Dengan peraturan ini, maka suami pertama atau yang tertua akan menjadi bapa kepada anak yang sulung,

dan begitulah setiap anak akan menganggap semua yang menjadi suami kepada ibunya dikira sebagai bapanya.

Dengan peraturan ini juga nyatalah bahawa kanak-kanak itulah yang lebih banyak merasakan faedahnya, kerana dengan banyaknya bilangan ayahnya nasib hidupnya semakin terjamin, di samping mendapat pula sepenuh-penuh kasih sayang dan belaan dari ibu mereka.

Ada satu masalah lagi di sini perlu kita kemukakan; iaitu bagaimana agaknya perasaan yang dirasakan oleh kaum perempuan itu sendiri? Untuk menjawabnya juga sangat sulit. Tetapi menurut penyelidikan adalah dikatakan; bahawa ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa setiap rumah yang didiami oleh keluarga itu sentiasa diliputi oleh udara ketenangan dan dipenuhi oleh suasana ketenteraman dan persesuaian semata-mata.

Di samping semua para isteri merasa rela dan berpuas hati dengan pembahagian yang mereka terima. Mungkin dalam beberapa hal para isteri agak merasakan benci terhadap peraturan-peraturan tersebut, tetapi yang peliknya para suamilah yang bersungguh-sungguh benar mempertahankan peraturan-peraturan itu dengan sekuat-kuatnya

Dalam pada itu, walaupun kawasan yang didiami oleh golongan yang mempunyai adat kebiasaan dan tatasusila yang agak ganjil itu letaknya terpencil jauh dari dunia peradaban dan yang bertamadun, namun pada suatu hari kelak akan terpengaruh juga oleh peradaban tamadun manusia yang ada sekarang ini yang telah mulai menjalar menakluki kawasan mereka. Sehingga akhirnya adat kebiasaan kahwin berbilang suami itu akan hilang sedikit demi sedikit, dan kesudahannya akan lenyap sama sekali.

Begitulah Tuhan itu berkuasa menciptakan segala sesuatu.

² Perkataan sebenar ialah Rajshahi. Rajshahi terletak di Bangladesh (dahulunya Pakistan Timur).